

12/10/2001

Media negara Islam mesti ubah persepsi Barat

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Khamis - Media massa di negara Islam disaran memperhebatkan lagi usaha mengubah tanggapan dunia Barat mengenai Islam yang sering dikaitkan dengan keganasan.

Penasihat Kewangan Kementerian Kewangan, Datuk Mustapa Mohamed, berkata tanggapan negatif mengenai Islam memberi kesan buruk terhadap industri pelancongan di negara Islam.

Beliau turut menceritakan pengalaman Malaysia yang kerap dikecam media Barat terutama sejak krisis kewangan serantau pada 1997.

"Namun, tanggapan dunia mengenai Malaysia sekarang sudah bertambah baik. Begitu pun, media Barat masih tidak begitu suka kepada Malaysia," katanya ketika merasmikan seminar sempena Persidangan Menteri Pelancongan Islam ke-2 di sini, hari ini.

Tiga puluh negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) akan menyertai sidang itu yang dijadual dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, esok.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Mustapa yang juga Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) berkata, media Barat sebenarnya tidak faham mengenai Islam yang menyebabkan persepsi mereka berlainan.

Katanya, masyarakat Islam tidak boleh mengharapkan mereka untuk melakukan sesuatu melainkan umat Islam sendiri dan media massanya memperbetulkan tanggapan silap itu.

"Selama ini pun, orang Islam dianggap sebagai pengganas oleh Barat. Amat malang sekali apabila berlaku serangan terhadap Amerika Syarikat, sebut saja nama Islam, sudah diberi gambaran buruk.

"Tugas kita sekarang ialah untuk memberi penerangan bagi memperbetulkan persepsi itu. Selagi kita tak dapat berbuat demikian, selagi itulah tanggapan negatif akan terus berlaku dan ini boleh menjejaskan industri pelancongan," katanya.

Mustapa berkata, selepas serangan ke atas Washington dan New York serta serangan belas terhadap Afghanistan, segalanya akan berubah selepas ini terutama persefahaman di antara penganut agama lain terhadap agama Islam yang sebelum ini begitu baik.

Bagaimanapun, katanya, umat Islam di Malaysia adalah sederhana dan kerajaan berjaya menangani masalah militan tempatan.

Sehubungan itu juga katanya, pihak yang terbabit dalam sektor pelancongan di negara ini perlu mempelbagaikan produk pelancongan dan memberi tumpuan kepada pasaran baru seperti China, Timur Tengah dan Asia Barat kerana peperangan sekarang boleh mengubah aliran pengembaraan penduduk dunia.

Katanya, Malaysia tidak boleh terlalu bergantung kepada pasaran luar saja misalnya dari Singapura yang selama ini adalah pasaran utama negara ini.

"Kita hargai peningkatan bilangan pelancong daripada Singapura. Ini adalah pasaran yang amat penting. Tetapi kita juga perlu mempelbagaikan pasaran terutama apabila berlakunya masalah di kawasan tertentu seperti serangan pengganas di Amerika pada 11 September lalu. Ini pastinya akan menjejaskan industri pelancongan di negara ini," katanya.

Beliau berkata sekurang-kurangnya pasaran di negara lain dapat mengimbangi pasaran daripada negara-negara yang terjejas.

"Kita perlu memberi tumpuan khususnya di negara seperti Timur Tengah, India, China dan Eropah bagi menarik lebih banyak pelancong dan

meningkatkan kadar pengaliran wang asing ke negara ini," katanya.
(END)